



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PERBANDINGAN ANTARA SKIM PENCEN DAN
SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
DALAM SEKTOR AWAM**

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK

PROJEK PELAJAR

Oleh:

SURIA BINTI BUJANG

RAJIMAH BINTI JALET

MASKINAH BINTI HUSAINI

RIHANA BINTI HAJI MOKHTAR

**Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan
Undang-Undang, UiTM Sarawak bagi memenuhi sebahagian daripada
keperluan Diploma Pentadbiran Awam**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK
KAMPUS SAMARAHAN**

APRIL 2000

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat perbandingan faedah di antara skim persaraan Pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Objektif utamanya ialah untuk menjelaskan secara menyeluruh mengenai kedua-dua skim persaraan tersebut agar boleh dijadikan sebagai maklumat berguna kepada setiap individu dalam sektor awam. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum sejak terlaksananya Sistem Saraan Baru (SSB) pada 1 Januari 1992, seseorang anggota yang pertama kali dilantik dalam perkhidmatan tetap pada atau selepas 12 April 1991 akan dibenarkan untuk memilih samada skim Pencen dan KWSP sebelum disahkan dalam jawatan. Dengan adanya opsyen ini maka anggota yang terlibat akan menjadi dilema dalam membuat pemilihan, yang mana mereka tidak tahu dan tidak ada pengalaman dalam membuat penilaian keatas kedua-dua skim tersebut. Dua agensi yang terlibat dalam pengurusan faedah-faedah persaraan kakitangan sektor awam di Malaysia ialah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan KWSP. JPA Malaysia bertanggungjawab dalam pengurusan faedah-faedah persaraan untuk anggota yang memilih skim pencen, manakala KWSP pula bertanggungjawab dalam menguruskan faedah persaraan yang memilih skim KWSP. Kedua-dua agensi ini memainkan peranan yang penting bagi memastikan faedah-faedah yang diterima oleh anggota kerajaan nanti dapat menjalani kehidupan persaraan yang selesa.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah swt. kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga kami menyiapkan kertas projek ini.

Di kesempatan ini, kami ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhitung nilainya kepada Ketua Kursus Pentadbiran Awam UiTM Sarawak selaku penyelia kertas projek ini iaitu, Encik Nicholas Amin kerana tidak pernah mengenal jemu memberi tunjuk ajar, nasihat serta teguran sepanjang dalam penyediaan kertas projek ini kepada kami.

Kedua, terima kasih juga yang tidak terhingga kepada Puan Siti Hajar Binti Abdul Rahman, Ketua Penolong Pengarah, JPA Malaysia Bahagian Pencen Cawangan Sarawak dan Encik David Madek, Ketua Pembantu Tadbir di Bahagian Pusat Khidmat Ahli, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Kuching, kerana telah memberi kerjasama kepada kami untuk menjalankan kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kami kepada semua kakitangan di JPA Malaysia, Bahagian Pencen, Cawangan Sarawak dan kakitangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah memberi bantuan secara tidak langsung dalam penyediaan kertas projek ini, jasa kalian pasti tidak kami lupakan.

Penghargaan khas ditujukan kepada ibu, ayah dan keluarga kami. Doa restu kalian tidak mampu kami membalasnya. Mudah-mudahan Allah swt akan membalasnya nanti.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Lampiran	viii

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latarbelakang Masalah	3
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Hipotesis	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	6
1.8 Definisi Istilah	7

BAB 2 LATARBELAKANG

2.0 Pengenalan	11
2.1 Latarbelakang Jabatan Perkhidamtan Awam	12

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Faedah-faedah persaraan merupakan bahagian yang penting dalam pakej pampasan pekerja. Pada keseluruhannya, faedah-faedah diberikan kepada pekerja kerana keahlian mereka dalam organisasi dan bukan berdasarkan prestasi atau produktiviti mereka. Oleh itu jenis pampasan ini tidak dapat mendorong pekerja bekerja dengan lebih tekun. Namun demikian, pakej faedah yang menarik perlu disediakan oleh organisasi yang hendak merekrut dan mengekalkan pekerja yang berkelayakan. Tambahan pula, faedah-faedah yang menarik dipercayai dapat meningkatkan kepuasan dan semangat pekerja untuk sama-sama menyumbang ke arah pencapaian matlamat organisasi.

Rancangan-rancangan faedah persaraan bersetuju membekalkan pekerja dengan sejumlah wang tetap apabila mereka telah mencapai umur persaraan yang tertentu atau jika mereka tidak berupaya untuk bekerja lagi kerana masalah-masalah kesihatan dan sebagainya. Kedua-dua majikan dan pekerja akan mencarum dari semasa ke semasa (biasanya secara bulanan) kepada Kumpulan Wang persaraan. Wang caruman inilah nanti yang akan dibayar kepada pekerja yang bersara.